

29/10/2002

Bahasa Inggeris: Parti Cina sepakat

Jami'ah Shukri

PUTRAJAYA, Isnin - Parti Cina dalam Barisan Nasional (BN) sudah mencapai rumusan berhubung kaedah pengajaran bahasa Inggeris bagi subjek Sains dan Matematik di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata parti Cina yang diberi tempoh seminggu berakhir hari ini untuk merumuskan kaedah berkenaan, kini bersiap sedia untuk mengemukakan cadangan balas bagi dipertimbangkan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Khamis ini.

Beliau berkata, cadangan itu termasuk mengadakan kelas khas bagi mengajar istilah Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, yang akan dimasukkan dalam jadual pembelajaran SJKC.

"Oleh itu, murid SJKC boleh belajar tiga bahasa (Melayu, Mandarin dan Inggeris). Ini tidak membebankan jika murid diberi alat yang betul," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah khidmat cemerlang di kementeriannya di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut kerana cadangan balas itu akan dikemukakan pada mesyuarat BN.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa lalu, sepakat untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan, tetapi memberi tempoh seminggu kepada parti Cina merumuskan kaedah pelaksanaan tersendiri bagi SJKC.

Berikutan itu, MCA, Gerakan, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti Maju Sabah diminta berbincang bagi mendapatkan pendekatan terbaik melaksanakan dasar itu di SJKC.

Sebuah lagi parti Cina dalam BN, iaitu Parti Liberal Demokratik (LDP), tidak terbabit dalam perbincangan itu kerana sudah menerima keputusan berkenaan.

Dr Ling berkata, empat parti itu juga mendapatkan pandangan ahli akademik dan pakar pendidikan sebelum merumuskan kaedah berkenaan.

"Sama ada keputusan itu akan selesai atau sebaliknya, ia akan dibincangkan pada mesyuarat BN. Saya yakin, seperti kata Perdana Menteri, BN selalu mempunyai jalan untuk menyelesaikan masalah. Ini bukan pertama kali," katanya.